

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bidang-bidang bimbingan yang diperlukan dan secara langsung jenis-jenis bantuan yang diperlukan oleh pelajar di dua buah sekolah menengah di negeri Kelantan. Terdapat sembilan bidang keperluan pelajar yang dikaji iaitu bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Pelajaran dan Vokasional, Perkembangan Sosial, Perkembangan Kerjaya, Perkembangan Pemahaman Diri, Perkembangan Kesihatan dan Fizikal, Perkembangan Kewangan dan Tempat Tinggal, Perkembangan Peribadi dan Perkembangan Kerohanian dan Moral. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan keperluan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan, di antara sekolah dan juga perbezaan antara aliran sains dan sastera terhadap sembilan bidang keperluan pelajar.

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli, Kelantan. Sampel kajian terdiri daripada 129 pelajar tingkatan 4. Inventori Keperluan Bimbingan digunakan dalam kajian ini.

Hasil kajian mendapati bahawa pelajar memerlukan bantuan paling tinggi dalam empat bidang. Bidang tersebut ialah bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Pelajaran dan Vokasional, Perkembangan Kerohanian dan

Moral dan Perkembangan Kerjaya. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua bidang keperluan bimbingan antara sekolah kecuali dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Tidak ada perbezaan di antara jantina kecuali dalam bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral, tiada perbezaan antara pelajar aliran sains dan sastera kecuali dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Kerjaya dan Perkembangan Pemahaman Diri.

GUIDANCE AND COUNSELING NEEDS OF SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN TWO SECONDARY SCHOOLS IN KELANTAN

ABSTRACT

The main objective of this research is to identify the areas that students needs guidance and counseling and the types of assistance needed. This research covers nine areas of needs; Study Skills Development, Educational and Vocational Development, Social Development, Career Development, Self Awareness Development, Health and Physical Development, Financial and Household Development, Personal Development and Intellectual and Moral Development. The study also seeks to determine if there is any difference in the need for guidance between gender, schools and between arts and science streams.

The research was undertaken at *Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1)* and *Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli*, Kelantan. The samples consist of 129 form four students from both the arts and science stream. Guidance Needs Inventory was used in this study.

The data revealed four essential areas that require guidance and counseling. Those areas are Study Skills Development, Educational and Vocational Development, Intellectual and Moral Development and Career Development. The findings also show that there are no significant differences in guidance needs between the two schools except in Study Skills Development,

between genders except in Intellectual and Moral Development and between arts and science streams except in Study Skills Development, Career Development and Self Awareness Development.